

BN tidak angkuh, demonstrasi bukan budaya Malaysia, kata Najib
The Malaysian Insider
Sept 7, 2015
Oleh Mohd Farhan Darwis

Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak berkata, kerajaan Barisan Nasional (BN) yang dipimpinnya bukanlah kerajaan angkuh sehingga tidak menyedari kelemahan mereka dan enggan mendengar suara rakyat sehingga mengakibatkan rakyat terpaksa berdemonstrasi untuk menggulingkan kerajaan pemerintah.

Berucap dalam program perasmian bangunan Yayasan Pewaris Batu di Kuala Lumpur malam tadi, Najib sebaliknya berkata, BN adalah kerajaan yang sanggup mendengar teguran dan bersedia memperbaiki kelemahan mereka.

"Kita tak marah semua pihak, mungkin ada tidak puas hati, kita terima teguran yang baik.

"Kita tahu kekuatan dan kelemahan kita, kita sanggup betulkan kelemahan kita, kita bukan kerajaan angkuh, kita bukan sombong, kita masih mahu betulkan apa yang lemah," katanya, merujuk kepada demonstrasi Bersih 4 yang berlangsung di ibu negara selama 34 jam pada malam anjambatan Kemerdekaan lalu.

Ahli Parlimen Pekan itu berkata, pihaknya juga sudah meminta tempoh bagi menyelesaikan isu di peringkat nasional.

"Percayalah kalau ada isu peringkat nasional, saya dah kata bagi tempoh," katanya.

Pentadbiran Najib kini berdepan dengan krisis dana RM2.6 bilion yang dimasukkan ke dalam akaun peribadinya daripada penderma dari Timur Tengah.

Selain itu, gesaan untuk beliau meletak jawatan turut dilakukan mantan perdana menteri Tun Dr Mahathir Mohamad susulan isu melibatkan syarikat pelaburan strategik Kementerian Kewangan, 1Malaysia Development Berhad (1MDB).

Najib berkata, suatu ketika dahulu turut terdapat isu membelenggu pentadbiran kerajaan seperti Krisis Kewangan Asia, namun beliau tidak menggesa kepimpinan ketika itu berundur sebaliknya menyokong mereka.

"Dulu pun ada isu, krisis kewangan Asia berapa teruk, syarikat tersungkur. Nilai ringgit RM4.88 masa itu, tapi kita tidak gulingkan kerajaan.

"Kita beri sokongan kepada pucuk pimpinan, saya juga ketua pemuda waktu itu nyatakan sokongan kepada pucuk pimpinan. Inilah cara kita di Malaysia.

"Kalau kita beri sokongan kepada pucuk pimpinan masalah berat pun boleh kita selesaikan," katanya.

Menurut Najib, demonstrasi bukanlah budaya rakyat Malaysia, sebaliknya kerajaan

menyerahkan nasib mereka untuk dipilih dalam pilihan raya umum bagi tempoh setiap 5 tahun sekali.

"Itu bukan demonstrasi, itu democrazy, itu bukan cara kita di Malaysia. Saya akui sekali dalam 5 tahun kita serahkan untung nasib kita kepada rakyat. Mandat kita bukan satu dua tahun. Mandat kita 5 tahun.

"Sebab itulah bukan tak boleh demonstrasi, tapi nak menggulingkan kerajaan melalui demonstrasi jalanan bertentangan dengan Perlembagaan dan undang-undang negara.

"Sebab itu Umno tak izinkan perkara ini berlaku, kerajaan yang dipilih rakyat nak digulingkan melalui demonstrasi jalanan," katanya.

Dr Mahathir semasa menghadiri perhimpunan Bersih 4 pada hari kedua mengatakan sudah tiba masanya Najib dijatuhkan melalui demonstrasi jalan raya seperti apa yang berlaku kepada Presiden Ferdinand Marcos di Filipina. – 7 September, 2015.

Copyright © 2015 Edge Insider Sdn Bhd

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/bn-bukan-kerajaan-angkuh-de-monstrasi-bukan-budaya-malaysia-kata-najib>